



MANUAL

PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

**PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN KELANTAN**

| | |
|-------------------------|--|
| DISEDIAKAN OLEH | JAWATANKUASA INDUK AMALAN EKSA SUK KELANTAN |
| TARIKH KUASA | 1 November 2016 |
| TARIKH KEMASKINI | 13 November 2023 |

Kandungan

| BIL. PERKARA | MUKA SURAT |
|---|------------|
| A. PRAKATA DARI KETUA JABATAN. | 3 |
| YB Dato' Kaya Setia, Setiausaha Kerajaan Kelantan | |
| B. PENGENALAN MANUAL PERLAKSANAAN EKSA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN (PSUKK) | 4-9 |
| B.1 Tujuan | |
| B.2 Latarbelakang | |
| B.3 EKSA - Satu Penjenamaan Semula Konsep 5S | |
| B.4 Faedah Perlaksanaan EKSA | |
| B.5 Kunci Kejayaan Amalan EKSA | |
| B.6 Operasi Amalan EKSA – Teknik 5W 1H | |
| B.7 Definisi Operasi Amalan EKSA PSUK | |
| C. LANGKAH-LANGKAH MELAKSANAKAN AMALAN EKSA | 10-15 |
| D. PERLAKSANAAN EKSA DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN | 16-19 |
| E. JAWATANKUASA EKSA PEJABAT SUK KELANTAN 2023 | 20-28 |
| F. STANDARD/ PIWAIAN EKSA PEJABAT SUK KELANTAN 2023 | 29-50 |
| G. KRITERIA AUDIT PEJABAT SUK KELANTAN 2023 | 51-72 |

PRAKATA



Assalamualaikum wbt...

Syukur ke hadrat llahi, atas limpah rahmat dan kurniaNya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan telah berjaya mendapat pengiktirafan tahap cemerlang bagi perlaksanaan program penarafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) kali pertama iaitu bagi tempoh bermula dari 1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019. Saya percaya, pencapaian ini tidak akan diperoleh tanpa komitmen yang jitu dari semua warga Pejabat SUK, terutama pegawai dan kakitangan terutamanya juruaudit. Justeru itu, untuk persijilan semula selepas tamatnya tempoh persijilan kedua pada 15 November 2021 sehingga 14 November 2023 ini, saya berharap Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan dapat mengekalkan pencapaian tahap cemerlang ini.

Saya sangat menitikberatkan pencapaian dalam EKSA ini kerana ia merupakan satu KPI yang sangat penting bagi membuktikan pentadbiran awam pejabat ini berada pada tahap yang cemerlang dimata penilai iaitu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri. Bahkan pencapaian ini akan menjadi bukti kepada negeri-negeri lain bahawa Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan tidak ketinggalan dalam aspek pengurusan yang berkualiti tinggi.

EKSA merupakan istilah baharu bagi program amalan 5S (Quality Environment @ QE) yang telah ditambahbaik dengan memasukkan amalan hijau, penjimatan dan inovasi. EKSA ini sangat penting kerana kajian telah menunjukkan persekitaran kerja yang baik hasil amalan EKSA akan menghasilkan mutu kerja yang baik. Perkara ini bersesuaian dengan dasar kerajaan negeri sekarang yang diterapkan menerusi visi KELANTAN MELANGKAH KE HADAPAN.

Semakan semula kepada Manual Prosedur EKSA pejabat ini sudah pastinya amat diperlukan bagi memastikan setiap garispanduan yang ditetapkan dapat ditambahbah baik bagi memastikan kualiti pengurusan persekitaran tempat kerja di ‘rumah kedua’ kita ini berada pada tahap yang optimum dan hasilnya membawa kejayaan mencapai tahap cemerlang apabila penilaian dilaksanakan oleh pihak MAMPU nanti.

Saya menyeru kepada semua warga Pejabat Setiausaha Kerajaan bekerja keras bagi mencapai tahap cemerlang bagi kali kedua ini dan jangan lupa untuk menghayati slogan EKSA Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan iaitu *IMAN PENERAJU EKSA*. Ini kerana, slogan ini ingin menerapkan konsep UMI (Ubudiyah, Masuliyah, Itqan) dalam diri setiap warga Pejabat Setiausaha Kerajaan, iaitu semua kerja buat kita tidak boleh lari dari ketentuan pahala dan dosa terhadap Allah swt. Dengan penghayatan itu insyaAllah kita bukan hanya cemerlang di dunia tetapi juga cemerlang di akhirat.

Sekian.

**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, S.P.S.K (Kelantan)
DATO' KAYA SETIA
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

MANUAL PELAKSANAAN EKSA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAN KELANTAN**B.1 : TUJUAN**

Tujuan Manual ini disediakan bagi memberi panduan kepada warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan EKSA di Peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk menghasilkan persekitaran kerja yang bersih, kemas, kondusif, selamat, mempraktikkan amalan hijau dan berinovatif di semua bahagian atau unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

Manual ini adalah sebagai piawaian yang merupakan penetapan apa yang perlu dilaksanakan oleh setiap bahagian atau unit (zon bagi istilah EKSA) dalam memastikan keadaan setiap zon ini berada dalam standard pengurusan tempat kerja mengikut piawaian atau standard yang telah dipersetujukan bagi mencapai hasrat pengurusan tempat kerja di Pejabat SUK Kelantan yang bersih,kemas,kondusif, selamat, beramalan hijau dan berinovatif yang merupakan objektif asas perlaksanaan EKSA.

Negeri Kelantan yang berpaksikan kepada 3 teras iaitu Ubudiyah. Masuliyah dan Itqan. Justeru itu, slogan EKSA Pejabat SUK ditetapkan sebagai IMAN PENERAJU EKSA, dimana slogan ini menekankan konsep akidah sebagai muslim dimana dalam apa kerja buat kita di dunia seperti pekerjaan harian adalah berlandas kepada iman atau kepercayaan Allah swt. Berbuat baik akan diberi pahala oleh Allah swt. Justeru, mengamalkan EKSA adalah amalan baik yang boleh memberikan kita ganjaran pahala dari Allah swt di akhirat kelak.

B.2: LATAR BELAKANG

EKSA telah diamalkan di sektor kerajaan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bersih,kemas,kondusif dan selamat. Amalan ini dapat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Secara langsung perkara ini akan mengurangkan pembaziran dari segi masa, ruang dan kos operasi jabatan.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan telah mendapat persijilan EKSA tahap cemerlang bagi tempoh yang pertama dari 1 Ogos 2017 hingga 31 Julai 2019. Manual kali ini telah dikemaskini bagi permohonan jabatan ini mendapatkan persijilan semula untuk tempoh atau kali yang kedua.

B.3 : EKSA - SATU PENJENAMAAN SEMULA KONSEP 5S

5S merupakan istilah asal dalam Bahasa Jepun, yang jika diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan membawa maksud seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah :-

| BAHASA JEPUN | BAHASA MALAYSIA | BAHASA INGGERIS | MAKSUD | CONTOH |
|--------------|-----------------|-----------------|--|----------------------------------|
| Seiri | Sisih | Sort | Menyisih barang-barang | Membuang sampah |
| Seiton | Susun | Set In Order | Kekemasan : Menyusun barang-barang yang diperlukan di tempat kerja secara sistematik | Mencapai dokumen dalam tempoh 30 |

B.4 : FAEDAH PELAKSANAAN EKSA

Mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti (Bersih,Kemas dan Rapi)

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi

Mengenalpasti,mengurang dan menghapuskan pembaziran

Meningkatkan imej agensi sektor awam

Menjana idea kreatif di kalangan warga Agensi


Meningkatkan semangat kerja berpasukan

Meningkatkan disiplin warga Agensi

Meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan

Mewujudkan piawaian kerja yang jelas

B.5 : KUNCI KEJAYAAN AMALAN EKSA



B.6 : OPERASI : AMALAN EKSA – TEKNIK 5W1H



B.7 : DEFINISI OPERASI AMALAN EKSA

Definisi Operasi yang terkandung dalam Manual EKSA Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan adalah berdasarkan Bahagian/Unit yang ditubuhkan di bawah Pejabat SUK seperti berikut :-

| | |
|-------------|--|
| ZON EKSA 01 | • BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| ZON EKSA 02 | • BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT |
| ZON EKSA 03 | • BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA |
| ZON EKSA 04 | • BAHAGIAN PERUMAHAN |
| ZON EKSA 05 | • BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN |
| ZON EKSA 06 | • BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| ZON EKSA 07 | • BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS |
| ZON EKSA 08 | • UNIT AUDIT DALAM |
| ZON EKSA 09 | • UNIT PERANCANG EKONOMI |
| ZON EKSA 10 | • BAHAGIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN |
| ZON EKSA 11 | • MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN |
| ZON EKSA 12 | • BAHAGIAN KOORDINASI & PROGRAM KHAS |
| ZON EKSA 13 | • PEJABAT MENTERI BESAR |
| ZON EKSA 14 | • PEJABAT TIMBALAN MENTERI BESAR/ SPEAKER |

C

LANGKAH-LANGKAH MELAKSANAKAN EKSA

Langkah 1: Pembentukan Jawatankuasa Induk EKSA Pejabat Setiausaha Kerajaan

1. Objektif pembentukan Jawatankuasa Induk EKSA ialah untuk memastikan penyertaan semua peringkat warga di PSUK Kelantan dalam melaksanakan amalan EKSA. Melalui jawatankuasa ini, semua bahagian di bawah Pejabat SUK Kelantan dapat disatukan dalam sama-sama bertindak bagi mencapai objektif EKSA. Pengerusi Jawatankuasa Induk EKSA bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan Amalan EKSA dijalankan sebaiknya.

Fungsi Jawatankuasa Induk :-

- Membentuk hala tuju dan pelan perancangan di peringkat bahagian/unit;
- Membentuk jawatankuasa di peringkat bahagian/unit;
- Mengenalpasti sub-zon (aras-aras) pelaksanaan EKSA
- Melaksana aktiviti-aktiviti EKSA di peringkat bahagian/unit;
- Memantau pelaksanaan EKSA bahagian/unit; dan
- Memastikan keseragaman pelaksanaan EKSA sepetimana yang digariskan di peringkat Pejabat SUK Kelantan.

2. Penubuhan Jawatankuasa Kecil Bagi Perlaksanaan EKSA.

Tiga Jawatankuasa Kecil ditubuhkan untuk menggerakkan perlaksanaan EKSA di Pejabat SUK Kelantan iaitu Jawatankuasa Kecil Latihan, Promosi dan Audit. Kesemua jawatankuasa kecil ini akan dipantau perlaksanaan fungsinya oleh Jawatankuasa Induk. Fungsi-fungsi jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:

i. Jawatankuasa Kecil Latihan

Fungsi-Fungsi :-

- Menyediakan pelan perlaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk amalan EKSA pada semua warga Pejabat SUK.
- Mengenalpasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa

ii. Jawatankuasa Kecil Promosi

Fungsi-Fungsi :-

- Melaksanakan promosi amalan EKSA kepada semua warga organisasi dan menganalisa keberkesanan aktiviti promosi yang dijalankan.
- Mempelbagai aktiviti promosi untuk menarik minat dan memberi kesedaran kebaikan amalan EKSA kepad warga organisasi

iii. Jawatankuasa Kecil Audit

Fungsi-Fungsi :

- Menyediakan kriteria audit dalaman EKSA
- Menjalankan audit dalam masa ditetapkan dan membuat analisa pencapaian.
- Membuat semakan pada kriteria audit.

3. Perlantikan Penyelaras dan Fasilitator.

Dibawah Jawatankuasa Induk, ditetapkan perlantikan 2 jawatan utama dalam mengerakkan perlaksanaan EKSA. Kedua-dua perjawatan ini adalah :-

- i. Penyelaras
- ii. Fasilitator

Fungsi Penyelaras :-

- Menjadualkan mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA.
- Menyelaraskan program EKSA dengan Jawatankuasa Kecil
- Melaporkan kemajuan dan status pelaksanaan EKSA.
- Menyimpan rekod utama dan minit berkait dengan pelaksanaan EKSA.
- Membantu pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit.

Fungsi Fasilitator

- Membantu perlaksanaan EKSA disetiap zon
- Memastikan zon mematuhi standard ditetapkan dalam manual.
- Membantu pengurus Jawatankuasa Kecil dalam melaksanakan fungsi masing-masing
- Sebagai tempat rujukan ahli zon.

Langkah 2: Mewujudkan Zon Amalan EKSA

1. Tujuannya adalah untuk mewujudkan kawasan tanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan amalan EKSA.
2. Pengerusi Jawatankuasa Induk EKSA Jabatan dengan kerjasama penyelaras dan fasilitator amalan EKSA akan menentukan zon yang bersesuaian.
3. Pembahagian zon hendaklah dijelaskan melalui pengwujudan pelan lokasi zon bagi memudahkan rujukan.
4. Antara faktor yang perlu diambil kira dalam pembahagian zon :-
 - Susun atur keseluruhan zon dan pembahagian kepada zon kecil hendaklah bersesuaian mengikut fungsi dan saiz organisasi (dicadangkan jumlah zon tidak terlalu banyak bagi memudahkan penyelaras dan pemantauan yang lebih sistematik dilaksanakan).
 - Menentukan nama kumpulan untuk setiap zon dan jumlah keahlian kumpulan bagi setiap zon.
 - Mewujudkan sudut EKSA dengan mempamerkan struktur kumpulan dan zon masing-masing dengan mengambil kira hala tuju amalan EKSA. Sektor/Zon di Jabatan haruslah berdasarkan aras/tingkat atau yang mana bersesuaian.
 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan mewujudkan zon berdasarkan bahagian/unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

Langkah 3 : Latihan Amalan EKSA

1. Tujuan latihan amalan EKSA adalah untuk mendalami pengetahuan berkaitan amalan EKSA disamping untuk membudayakan amalan EKSA kepada semua warga Jabatan.
2. Antara latihan/program yang perlu diikuti bagi meningkatkan kefahaman:-
 - Program Kesedaran Amalan EKSA.
 - Kaedah Amalan dan Pelaksanaan Amalan EKSA.
 - Audit Dalaman Amalan EKSA.

Langkah 4 : Pelancaran Amalan EKSA

1. Pelancaran dan perasmian amalan EKSA boleh diadakan sebagai tanda mula di samping untuk menyampaikan hasrat dan sokongan pengurusan bagi melaksanakan amalan EKSA.
2. Pihak pengurusan perlu terlibat secara langsung serta memberi komitmen dan sokongan padu kepada pelaksanaan amalan EKSA melalui penetapan sasaran yang ingin dicapai, dasar dan objektif amalan EKSA dan juga menentukan matlamat setiap langkah pelaksanaan.
3. Antara perkara yang perlu diberikan penekanan semasa pelancaran Amalan EKSA adalah seperti berikut :-
 - Dasar Amalan EKSA
 - Zon-zon EKSA
 - Objektif Amalan EKSA
 - Pelan Tindakan Pelaksanaan Amalan EKSA
 - Buku Panduan Pelaksanaan Amalan EKSA

Langkah 5: Perlaksanaan Audit Dalaman

Audit Dalaman Amalan EKSA perlu dilaksanakan di Jabatan/Agenzi sebagai penilaian kendiri pelaksanaan Amalan EKSA. Audit pertama seeloknya dilaksanakan selepas 2 bulan pelancaran EKSA atau mesyuarat pertama jawatankuas induk bgi memastikan semua zon bertindak cepat untuk mencapai objektif EKSA. Ia amat penting dalam memberi lebih kefahaman kepada zon terhadap standard /piawaian yang ditetapkan dalam Manual Perlaksanaan EKSA jabatan.

Seterusnya Audit Dalaman EKSA ini perlu dijadualkan secara berkala untuk memastikan setiap zon kekal mematuhi piawaian ditetapkan dan dapat membuat penambahbaikan secara berterusan.

Tatacara Audit Dalaman

Tindakan 1: Membentuk Pasukan Audit

Jawatankuasa Induk EKSA melalui Jawatankuasa Kecil Audit perlu mengenalpasti, melatih dan melantik juruaudit untuk melaksanakan aktiviti audit dalaman amalan EKSA di Jabatan/Agenzi. Jawatankuasa Induk ini juga perlu :-

- Menyediakan kriteria Audit Dalaman Amalan EKSA
- Menentukan kekerapan aktiviti Audit Dalaman Amalan EKSA.

Tindakan 2: Latihan Audit Amalan EKSA

Pasukan audit dalaman Amalan EKSA hendaklah diberi latihan untuk memastikan urusan audit dalaman Amalan EKSA dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Tindakan 3: Mengaudit Prestasi Amalan EKSA

Pasukan audit dalaman akan menjalankan audit dalam seperti yang telah dijadualkan oleh Jawatankuasa.

Tindakan 4: Mengumumkan Penemuan Audit

Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam Amalan EKSA hendaklah melaporkan penemuan audit dalaman kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk EKSA bagi dimaklumkan kepada semua zon untuk tindakan setiap ketua zon.

D

PELAKSANAAN EKSA DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

Dasar EKSA


EKSA sebagai perangsang transformasi persekitaran kerja yang sejahtera, sihat dan selamat mengamalkan amalan hijau dan berinovatif demi menambahbaik kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang disampaikan.

LOGO DAN SLOGAN



SLOGAN: IMAN PENERAJU EKSA

Perkataan **IMAN** tulisan jawi di dalam kubah yang diletakkan di puncak LOGO, adalah SLOGAN UTAMA pelaksanaan EKSA di PSUK. Ia dipilih kerana ingin mengaitkan ia dengan KOD ETIKA KAKITANGAN AWAM NEGERI KELANTAN yang berasaskan 3 prinsip utama iaitu UBUDIYAH, MAS'ULIYAH dan ITQAN. Di mana hanya dengan IMAN maka 3 prinsip ini boleh terlaksana.



VISI

- **Peneraju Perkhidmatan Awam Cemerlang**

MISI

- Melahirkan Penjawat Awam yang Mempunyai Minda dan Budaya Kerja Kelas Pertama Sepertimana Digariskan dalam Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dan Visi Kelantan Melangkah Kehadapan
- Memperkasakan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan Menerusi Pelaksanaan EKSA

POLISI

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Berkredibiliti, Bertanggungjawab serta Komunikatif dalam Mengamalkan Budaya Kerja Cemerlang, Berkualiti dan Berinovasi Melalui Persekitaran Kerja yang Kondusif selari dengan Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan



A) JAWATANKUASA INDUK PEJABAT SUK KELANTAN



B) JAWATANKUASA LATIHAN EKSA

CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA LATIHAN EKSA PEJABAT SETIAUSAHA NEGERI KELANTAN



PENAUNG:
DATO' KAYA SETIA
YANG BERHORMAT DATO' NAZRAN BIN MUHAMMAD



PENGERUSI: YANG MULIA DATO' TUAN ZAINAL ABIDIN BIN TUAN YUSUF



KETUA JK LATIHAN: YBRS. TUAN HAJI MOHD ZAKI BIN YUSOFF



SETIAUSAHA: YBRS. EN. NOOR AZMAN BIN MD. NAWI



PENOLONG SETIAUSAHA: YBRS. PN. NUR DIANA BT ZAKARIA

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAHAGIAN / ZON



Nursyazwani Mohd Hafizie Siti Aisyah



Eallyza W. Norhafizul



Faizal Suzana



Salina Asyraf



Mohd Shukri Hanafi



Engku Najihah Siti Aisyah



Nik Ahmad Afnan Nurhasmad



Nor Akila Rusdiana



Mohd Lukman Nor Athiah



Hasma Hisham Nor Mazlina



Irfan Hudzaifah



Fadhil Hazirah



Raja Norafida Abu Bakri



Mimi Azira Ahmad Fadzil



Nur Wardah Wan Afiezul Azim

PERANAN JAWATANKUASA LATIHAN EKSA

- i. Mengenalpasti dan merancang program latihan dan kesedaran kepada warga Pejabat SUK Kelantan.
- ii. Menyediakan pelan latihan bagi memupuk kefahaman konsep dan EKSA kepada semua warga kerja Pejabat SUK Kelantan.
- iii. Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari masa ke semasa bagi mengukuh aktiviti EKSA serta amalan peningkatan kualiti yang lain. (Keperluan latihan yang diperlukan boleh dirujuk kepada hasil keputusan audit aktiviti EKSA).
- iv. Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberi peluang untuk menghadiri latihan

C) JAWATANKUASA AUDIT EKSA



PERANAN JAWATANKUASA AUDIT EKSA

- i. Menyediakan kriteria senarai semak proses audit dan garis panduan pelaksanaan audit.
- ii. Melantik juruaudit dalaman EKSA.
- iii. Merancang dan menentukan kekerapan aktiviti audit dalaman EKSA.
- iv. Mencadangkan penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti semasa proses audit.
- v. Melakukan pemeriksaan dan tindakan susulan jika perlu.
- vi. Menyediakan laporan keseluruhan audit kepada Jawatankuasa Induk EKSA.
- vii. Menyemak kriteria audit dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
- viii. Memastikan aktiviti EKSA dijalankan secara sistematik dan berterusan.

D) JAWATANKUASA PROMOSI EKSA



PERANAN JAWATANKUASA PROMOSI EKSA

- i. Menyediakan pelan perlaksanaan aktiviti promosi EKSA.
- ii. Memastikan pelaksanaan pelan promosi ke arah membina kesedaran EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi.
- iii. Merancang dan memperuntukkan perbelanjaan bagi memastikan aktiviti promosi dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.
- iv. Merancang dan menganjurkan pertandingan EKSA (kebersihan, poster, banner dan lain-lain).
- v. Mencadangkan ganjaran yang bersesuaian kepada yang layak.
- vi. Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan.
- vii. Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA di kalangan warga kerja kepada Jawatankuasa Induk EKSA.

PENUBUHAN ZON EKSA DI PSUKK

Tujuan pewujudan zon EKSA adalah untuk memudahkan pelaksanaan dan pengawasan EKSA. Senarai 14 zon yang terlibat di dalam pelaksanaan EKSA di bawah Pejabat SUK Kelantan ialah :-

| BIL | NAMA ZON | UNIT |
|------------|-----------------|--|
| 1 | ZON EKSA 01 | BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2 | ZON EKSA 02 | BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT |
| 3 | ZON EKSA 03 | BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA |
| 4 | ZON EKSA 04 | BAHAGIAN PERUMAHAN |
| 5 | ZON EKSA 05 | BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN |
| 6 | ZON EKSA 06 | BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 7 | ZON EKSA 07 | BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS |
| 8 | ZON EKSA 08 | UNIT AUDIT DALAM |
| 9 | ZON EKSA 09 | UNIT PERANCANG EKONOMI |
| 10 | ZON EKSA 10 | BAHAGIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN |
| 11 | ZON EKSA 11 | MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN |
| 12 | ZON EKSA 12 | BAHAGIAN KOORDINASI DAN PROGRAM KHAS |
| 13 | ZON EKSA 13 | PEJABAT MENTERI BESAR |
| 14 | ZON EKSA 14 | PEJABAT TIMBALAN MENTERI BESAR / SPEAKER |

KEPERLUAN ZON EKSA

- a. Membentuk Jawatankuasa Pelaksana Zon EKSA seperti struktur di bawah:

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA ZON EKSA



- b. Peranan Jawatankuasa Pelaksana Zon

- i. Membentuk hala tuju dan pelan perancangan di peringkat bahagian/unit;
 - ii. Membentuk jawatankuasa di peringkat bahagian/unit;
 - iii. Mengenalpasti sub-zon (aras-aras) pelaksanaan EKSA
 - iv. Melaksana aktiviti-aktiviti EKSA di peringkat bahagian/unit;
 - v. Memantau pelaksanaan EKSA bahagian/unit; dan
 - vi. Memastikan keseragaman pelaksanaan EKSA sepertimana yang digariskan di peringkat Pejabat SUK Kelantan.
-
- c. Memastikan semua anggota dalam zon adalah ahli zon
 - d. Menyediakan Sudut Zon EKSA (Maya atau Fizikal) di tempat yang strategik
 - e. Menyedia dan mengemaskini Fail Zon

TINDAKAN PELAKSANAAN EKSA

Penekanan terhadap pelaksanaan EKSA ini terbahagi kepada 6 komponen utama yang merangkumi keseluruhan persekitaran tempat kerja di Pejabat SUK Kelantan iaitu:

- a. Keperluan Utama Perlaksanaan
- b. Ruang Tempat Kerja / Pejabat
- c. Tempat Umum
- d. Keselamatan Persekitaran
- e. Kawasan Persekitaran fasiliti
- f. Tempat Khusus

STANDARD / PIAWAIAN EKSA PEJABAT SUK KELANTAN 2021

STANDARD AMALAN EKSA PSUKK

A) SUDUT EKSA

MAKLUMAT DI SUDUT EKSA

- Nama Zon
- Dasar, Polisi dan Objektif EKSA
- Carta Organisasi
- Aktiviti EKSA Zon
- Informasi / Hebahan
- Pelan Lantai Zon
- Carta Perbatuan
- Tarikh Kemaskini

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Gambar sebelum dan selepas EKSA Data/Maklumat Semasa Pencapaian (Audit Dalaman)
- Penghargaan
- Promosi EKSA Bahagian zon
- SKT Jabatan
- Manual EKSA



Terdapat 7 perkara wajib yang diletakkan di sudut EKSA bagi memenuhi markah bagi komponen tersebut :-

1. Carta Organisasi

Carta Organisasi bahagian yang mempunyai sekurang-kurangnya Penasihat, Penyelaras, Ketua Zon, Setiausaha dan jawatankuasa jawatankuasa terlibat sebagai contoh :-

- 1.1 Jawatankuasa latihan
- 1.2 Jawatankuasa promosi
- 1.3 Jawatankuasa Induk
- 1.4 Jawatankuasa audit
- 1.5 Jawatankuasa Zon

2. Carta Perbatuan

Carta perbatuan atau perancangan dan pelaksanaan haruslah mempunyai perancangan dan pelaksanaan bagi jangka masa setahun. Ianya merangkumi :-

- 2.1 Audit dalaman (bahagian)
- 2.2 Promosi dan latihan EKSA bahagian
- 2.3 Gotong-royong
- 2.4 Mesyuarat zon
- 2.5 Kemaskini fail/dokumen
- 2.6 Tambah baik carta EKSA
- 2.7 Lawatan ke bahagian lain
- 2.8 Lawatan audit daripada mampu

Ianya boleh di masukkan dalam carta perbatuan mengikut kesesuaian bahagian masing-masing

3. Dasar EKSA

Mempamerkan dan memaparkan dasar EKSA yang telah dikeluarkan oleh induk (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan)

4. Aktiviti

Mestilah terdapat gambar aktiviti (sebelum dan selepas pengamalan EKSA) mestilah menyatakan tajuk aktiviti dan tarikh aktiviti tersebut dibuat.

5. Pelan lantai

Mestilah mempamerkan pelan lantai di bahagian dan unit masing-masing sekiranya terdapat bilik sulit contohnya seperti bilik fail, bilik server, bilik kebal, bilik data peribadi hendaklah dibuang namanya ataupun menandakan bilik tersebut sebagai bilik x

6. Informasi dan hebahan

Mempamerkan informasi dan hebahan berkaitan EKSA samaada yang dikeluarkan oleh induk ataupun yang dikeluarkan oleh bahagian/unit/zon jabatan masing- masing

7. Tarikh kemaskini sudut EKSA

Tarikh hendaklah pada sebelum atau pada hari audit ataupun Setiap kali kemaskini / terdapat perubahan pada sudut EKSA

B) KAWALAN RUANG KERJA BILIK PEGAWAI (RUANG PEJABAT, LACI MEJA DAN RUANG KERJA KAKITANGAN)

| RUANG KERJA KAKITANGAN | |
|---|--|
| BILIK KERJA | KUBIKEL |
| <p>Label suis ditampal berhampiran suis.</p> <p>Label setiap rak dan cabinet yang mudah dilihat (Contoh: bahan rujukan, fail dan dokumen).</p> <p>Dibenarkan satu sudut untuk koleksi peribadi yang sesuai untuk suasana tempat kerja (maksimum tiga (3) item).</p> <p>Satu (1) kerusi bagi setiap kakitangan dan maksimum empat (4) kerusi bagi tetamu (berdasarkan ruang bilik dan jumlah kakitangan yang berkongsi).</p> <p>Bilik yang mempunyai sudut rehat-hendaklah sentiasa memastikan sofa berada dalam keadaan kemas dan bersih.</p> <p>Satu (1) bakul sampah bagi seorang kakitangan dan diletakkan di dalam bilik serta berpakir secara seragam mengikut Zon EKSA masing-masing.</p> <p>Dibenarkan Papan Carta- maksimum satu (1) bagi seorang kakitangan dan maklumat ditampal dengan kemas di dinding bilik.</p> <p>Dibenarkan cermin muka - digantung di dinding bilik.</p> | <p>Dibenarkan perhiasan individu atas meja (maksimum tiga (3) item).</p> <p>Satu (1) kerusi kakitangan dan maksimum dua (2) kerusi tetamu.</p> <p>Satu (1) bakul sampah bagi seorang kakitangan dan diletakkan berpakir secara seragam mengikut Zon EKSA masing-masing.</p> <p>Dibenarkan Papan Carta- maksimum satu (1) dan maklumat ditampal dengan kemas di dinding kubikal.</p> <p>Dibenarkan perhiasan individu atas almari kayu/besi (maksimum tiga (3) item).</p> |
| <ul style="list-style-type: none"> • Tanda nama kakitangan dan tanda pergerakan kakitangan ditampal di daun pintu bilik atau pada kubikal dan seragam mengikut Zon EKSA. • Banting Ingatan Amalan EKSA SUK diletakkan di setiap zon dan seragam di seluruh PSUK Kelantan. Label di pintu cabinet bagi cabinet kayu yang bertutup dan cabinet besi. • <i>Tray</i> surat berlabel (In, Out, KIV) (sekiranya perlu). • Set computer- kabel CPU, monitor dan pencetak diikat. Kedudukan susunan set komputer adalah di sebelah kanan atau mengikut kesesuaian dan keseragaman di Zon tersebut. • Telefon diletakkan di atas meja kerja dan mudah dicapai. | |

- Dibenarkan meletakkan bekas cap di atas meja dan berlabel serta senarai rujukan. Parkir ikut kesesuaian (berbincang dengan Ketua Zon EKSA-seragam dan kesesuaian).
- Kasut/selipar (maksimum dua (2) pasang) termasuk yang dipakai disusun dengan kemas.
- Alat tulis hendaklah berada di dalam laci meja kerja atau sebekas alat tulis (maksimum lima) (5)

RUANG PEJABAT

Pelan Lantai pejabat ditampal di tempat sesuai dan mudah dilihat oleh pelanggan



LACI MEJA

- Berlabel di luar laci.
- Dalam laci disediakan *Partition* alat tulis.

Laci aras 1-alat tulis
Laci aras 2-dokumen
Laci aras 3-peribadi

- Keseragaman dalam laci diselaraskan mengikut kesesuaian zon



RUANG KERJA / BILIK PEGAWAI

1. Lantai ruang kerja /bilik pegawai sentiasa berada dalam keadaan bersih.
2. Tanda nama dan jawatan pegawai diletakkan di ruang kerja/partition pegawai/ pintu bilik pegawai mengikut kesesuaian. Satu (1) tray surat (jika ada) dan dilabelkan masuk/keluar.
3. Fail-fail /diari/ organizer disusun dengan kemas dan teratur pada setiap masa.
4. Fail disusun mengikut nombor siri/indeks yang ditetapkan di dalam kabinet fail dan dilabelkan mengikut format yang telah diseragamkan.




5. Sekiranya pegawai dibekalkan kabinet fail, ia perlu dilabelkan dengan kemas dan teratur.
6. Kerusi tetamu dan kerusi kerja disusun rapi ketika tidak digunakan.
7. Komputer dan pencetak haruslah tidak berhabuk dan boleh digunakan.
8. Komputer di tutup (shut down) selepas habis waktu bekerja.
9. Wallpaper dan screen saver desktop komputer/komputer riba boleh di seragamkan dengan logo EKSA atau imej korporat Jabatan/Agensi.
10. Menyediakan tempat khas bertanda bagi bakul sampah
11. Kew.Pa 7 di Pamerkan
12. Dibenarkan Tali Leher 5 unit dan Blazer 3 helai dan diletakkan pada penyangkut blazer
13. Menetapkan ruang kasut (jika perlu) bagi meletakkan tidak lebih dari segi (3) pasang kasut / selipar termasuk yang dipakai.



PELABELAN DAN PENETAPAN LOT

1. Hanya peralatan guna sama dan mudah alih sahaja disediakan lot yang bersesuaian.
2. Pelabelan dan lot alatan haruslah seragam (contoh : bakul sampah-label dan tanda lot diletak di bawah tapak bakul sampah dengan saiz yang seragam).

| PERKARA | PETUNJUK | CONTOH |
|---------------|------------------------------------|---|
| PARKIR | TANDA "X" | X |
| LABEL | TULISAN HITAM LATAR BELAKANG PUTIH | BILIK MESYUARAT |
| PETUNJUK ARAH | TULISAN PUTIH LATAR BELAKANG HITAM | <p>TANDAS</p>  <p>TANDAS</p>  |

C) KAWALAN KABINET/RAK KAYU STAF

KABINET BESI

- Label bilangan cabinet.
- Dokumen yang kerap digunakan di Tingkat 1
- Terdapat indeks kandungan dokumen & tampal di hadapan laci.
- Sediakan bilangan nombor/nama di paket fail mengikut indeks luar.
- Kemaskini kandungan fail dari semasa ke semasa.
- Personel Bertanggungjawab (P.B) untuk kabinet gunasama.

RAK KAYU STAF

- Label rak mengikut jenis bahan yang diletakkan di situ.
Contoh: bahan rujukan, fail, dokumen, pelbagai

D) KAWALAN FAIL

FAIL PUTIH

- Label dan bernombor di tepi fail.
- Disusun berdiri mengikut nombor indek fail
- Indeks ditampal
- Warna label fail adalah seragam dan mengikut Zon EKSA
- Label bilangan File holder sekiranya lebih daripada 1 atau disusun mengikut abjad bagi yang berkaitan sahaja.

FAIL KERAS

- Label dan bernombor di tulang fail.
- Ditampal indeks.
- Susunan mengikut nombor indeks (nombor ditentukan sendiri oleh empuny fail).
- Warna label fail adalah seragam dan mengikut Zon EKSA.
- Nama pusat dan jabatan perlu ada pada label fail

SISTEM KAWALAN PERGERAKAN FAIL

- Menyediakan sistem kawalan dan pergerakan fail untuk semua kategori fail aktif/ fail tidak aktif/ fail tutup

Rajah 2.2.6: Contoh Butiran Pergerakan Fail Pada Kulit Fail

The table has columns: Dihantar kepada, Tarikh dihantar, Dihantar kepada, Tarikh dihantar, Dihantar kepada, and Tarikh dihantar.

Annotations:

- KPSUK** is circled in red and has an arrow pointing to the first row.
- PSU1** is circled in red and has an arrow pointing to the second row.
- R** is circled in red and has an arrow pointing to the third row.
- PSU1** is circled in red and has an arrow pointing to the fourth row.
- R - SDP** is circled in red and has an arrow pointing to the fifth row.
- 30/5/11** is circled in red and has an arrow pointing to the fifth row.
- PSU1** is circled in red and has an arrow pointing to the sixth row.
- 30/5/11** is circled in red and has an arrow pointing to the sixth row.

Legend:

- R = Registri
- R - SDP = Registri - Simpan Dalam Perhatian

KAD PERGERAKAN FAIL


- Disimpan dalam setiap fail di antara kertas minit dengan menggunakan tali hijau
- Setiap pergerakan fail direkod di dalam kad pergerakan dan diletakkan di dalam folder pergerakan fail sehingga fail dipulangkan semula kepada registry.
- Apabila fail dikembalikan ke registri kad ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam fail.



Kad Pergerakan Fail (TERBUKA)



Kad Pergerakan Fail Terperingkat (SULIT)



Kad Pergerakan Fail Terperingkat (RAHSIA/RAHSIA BESAR)

BILIK FAIL

- Pelan lantai susun atur bilik fail dipamerkan di ruang yang mudah dilihat.
- Kabinet fail dilabel mengikut jenis dokumen dan nombor indeks/rujukan.
- Fail dilabel dan disusun mengikut indeks dan boleh dicapai dalam tempoh 30 saat.
- Arahan ringkas penggunaan bilik fail dipamerkan.
- P.I.C : Penama bilik sama dengan Pelan Lantai
- Tangga mudah alih, troli dan kerusi berada dalam keadaan baik.

E) KUNCI

SURAT PERLANTIKAN

- Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) hendaklah melantik di kalangan Ketua Penolong Setiausaha (KPSU) atau Penolong Setiausaha (PSU) sebagai pemegang kunci pendua bagi peti kunci keselamatan di setiap Unit/ Bahagian.
- Ketua Unit/Bahagian hendaklah melantik di kalangan Pegawai Eksekutif (EO), atau Pembantu Pejabat (OA) atau Ketua Pembantu Tadbir Kanan (CC) (mengikut kesesuaian unit) sebagai pentadbir kunci (peti kunci dan kunci pendua) bagi unit.

KOD KUNCI

- Diseragamkan mengikut warna di setiap Unit/Bahagian.
- Penggunaan Abjad adalah untuk Unit/Bahagian yang tidak mempunyai sub seksyen.

| BIL | ZON | WARNA | PETUNJUK |
|-----|---|-----------------|----------|
| 1. | Bahagian Perumahan | Biru terang | A |
| 2. | Bahagian Kerajaan Tempatan | Kuning | B |
| 3. | Bahagian Khidmat Pengurusan | Hijau Terang | C |
| 4. | Bahagian Sumber Manusia | Ungu | D |
| 5. | Bahagian Korporat | Oren | E |
| 6. | Bahagian Integriti dan Tadbir Urus | Merah Jambu | F |
| 7. | Majlis Mesyuarat Kerajaan | Coklat | G |
| 8. | Unit Audit Dalam | Merah | H |
| 9. | Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat | Kelabu | I |
| 10. | Unit Perancang Ekonomi Negeri | Peach | J |
| 11. | Bahagian Pelancongan dan Kebudayaan | Merah Hati | K |
| 12. | Pejabat Menteri Besar | Hijau Muda | L |
| 13. | Pejabat Timbalan Menteri Besar/ Speaker | Hijau Turquoise | M |
| 14. | Bahagian Koordinasi dan Program Khas | Biru Muda | N |

Manakala bagi Unit/Bahagian yang mempunyai sub seksyen melebihi satu, kombinasi kod adalah abjad dan nombor.

Contoh adalah seperti berikut:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

D: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

D1: Bahagian Prestasi & Kaunseling

D2: Bahagian Perkhidmatan

01: Kunci Kabinet / Pintu bilik



D/D1/01

Majlis Mesyuarat Kerajaan

G: Majlis Mesyuarat Kerajaan


G-A: Pejabat Menteri Besar

G-B : Pejabat Timbalan Menteri Besar


G-C : Pejabat Setiausaha Dewan

G1: Bahagian Pentadbiran

01: Kunci Kabinet / Pintu bilik



G/01



G-A/G1/01

PENYIMPANAN KUNCI

- Kunci utama/aktif bagi Unit/Bahagian disimpan oleh pegawai yang telah dilantik
- Semua anak kunci yang tidak dipakai termasuk kunci pendua hendaklah disimpan di dalam peti kunci yang berkunci dan bertutup serta diletakkan di setiap bilik Ketua Unit/Bahagian.
- Kunci pendua peti simpanan kunci setiap Unit/Bahagian dan kunci pendua pintu bilik kebal hendaklah disimpan di Bahagian Khidmat Pengurusan, manakala nombor kombinasi diserahkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri.

F) PLUG/SUIS/WAYAR/RUBBER STAMP

PELABELAN PLUG

- Label pada ruang *plug* dan suis mengikut kesesuaian peralatan elektrik
- Format pelabelan adalah berwarna kuning dan delaminate
- Ikut cable tie

PELAN LAMPU

- Pelan lampu di pamerkan di suis lampu yang berkaitan (sekiranya melebihi 1)
- Saiznya tidak terlalu besar dan tidak kecil
- Mestilah jelas difahami dan hanya suis yang terlibat sahaja di pamerkan



PENDAWAIAN KABEL (WAYAR)

- Wayar – wayar elektrik hendaklah dipasangkan gelung/casing dan di gantung (Ditinggikan dari aras lantai).
- ‘Extention’ diletakkan di bawah meja/ disisi dalam dinding meja sebelah kiri @ kanan yang mana sesuai mengikut zon.
- Pemasangan poin elektrik perlulah dibuat pada tempat – tempat yang bersesuaian dan tersembunyi.



RUBBER STAMP

- Label pada cop
- Senarai indek bagi semua cop.

G) ALAT PEMADAM API

ALAT PEMADAM API

- Digantung pada ketinggian 1-1.5meter dari aras lantai
- Memastikan sentiasa bersih dan diletakkan di tempat yang mudah dicapai
- Label bilangan jika melebihi 1
- Etika Ringkas Penggunaan seperti mana edaran Pihak Bomba
- Tarikh Luput dengan jelas.
- P.I.C

H) KAWALAN STOR ALAT TULIS

